# KERANGKA KONSEPTUAL ETIKA PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

CONCEPTUAL FRAMEWORK FOR THE ETHICAL USE OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE IN TEACHING AND LEARNING

**Azerai Azmi***
**Asmah Bohari**
**Syakima Ilyana Ibrahim**
**Baharudin Saleh**
**Syamsiah Mokhtar**
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan
**azerai.azmi@ipgm.edu.my*

*Article History*
Received: 12/09/2026
Accepted: 07/10/2026
Published online: 18/11/2026

## ABSTRACT

The rapid integration of artificial intelligence (AI) into teaching and learning has created significant opportunities for educational innovation; however, it has also raised concerns regarding academic integrity, information accuracy, accountability, human oversight, and the effectiveness of conventional assessment. These challenges indicate a need for a coherent framework that integrates ethical principles with pedagogy, assessment, governance, and professional competency. Therefore, this study aimed to develop a conceptual framework for the ethical use of AI in teaching and learning based on the perspectives of local experts. The study was grounded in an interpretivist philosophy with a constructivist orientation and employed a basic interpretive qualitative design, enabling the ethical use of AI to be understood through the meanings and professional interpretations constructed by experts. Using purposive sampling, three experts with complementary expertise in AI in education, AI/educational technology, and educational assessment, and with between 8 and 26 years of professional experience, were selected as participants. Data were collected through semi-structured interviews and analysed inductively using Braun and Clarke's six-phase thematic analysis. The findings revealed five interrelated domains: (1) the applicability of ethical AI pedagogy, (2) the applicability of integrity and accountability, (3) assessment transformation, (4) innovation in teaching and learning, and (5) the applicability of competency development. Collectively, these domains demonstrate that ethical AI use requires the alignment of academic integrity, transparency, critical evaluation of AI-generated outputs, human oversight, adaptive institutional governance, authentic assessment, meaningful pedagogical innovation, and continuous professional competency development. These findings were synthesised into a conceptual framework structured according to the Context–Input–Process–Output (CIPO) model, positioning ethical AI use as a systemic and human-centred educational practice rather than merely a technological application. The study implies that educational institutions should adopt an integrated, human-centred approach to AI governance and practice, in which technological innovation is aligned with ethical responsibility, pedagogical purposes, authentic assessment, and continuous professional development.

***Keywords**: Conceptual framework, ethics, artificial intelligence, teaching and learning*

## PENDAHULUAN

Chen et al. (2020) menjelaskan bahawa kecerdasan buatan (AI) berpotensi meningkatkan kecekapan pengajaran melalui pembelajaran berasaskan bukti melalui pengumpulan data dan maklumat berkaitan. Kenyataan ini selari dengan pandangan Holmes dan Tuomi (2022) yang berpendapat bahawa AI bukan sekadar teknologi sokongan, tetapi sebagai pemangkin perubahan terhadap pengalaman pembelajaran pelajar. Begitu juga dengan Kasneci et al. (2023) yang berpendapat bahawa AI bukan sekadar menghasilkan kandungan pengajaran tetapi sebagai sokongan kepada proses pengajaran guru. Namun, kemajuan teknologi perlu diseimbangkan dengan tuntutan etika. UNESCO (2021, 2023) menegaskan bahawa penggunaan AI dalam pendidikan sewajarnya berpusatkan manusia serta berlandaskan prinsip keadilan, ketelusan dan akauntabiliti. Dengan kata lain, keadaan yang ideal bukan sekadar peningkatan penggunaan AI, tetapi penggunaan yang mampu mengimbangi inovasi teknologi, keberkesanan pedagogi dan tanggungjawab etika.

Realitinya, hasrat tersebut agak sukar untuk dilaksanakan. Holmes dan Tuomi (2022) berpendapat bahawa isu etika muncul disebabkan AI semakin pesat diaplikasikan dalam pendidikan. Manakala, Cotton et al. (2023) menggambarkan isu tersebut dalam aspek integriti pengguna dalam era AI generatif. Perbincangan tersebut semakin relevan apabila Ng et al. (2025) mencadangkan suatu strategi bagi menyelesaikan isu tersebut. Cadangan tersebut disebabkan keperluan kepada pendidikan beretika berkaitan penggunaan AI (Borenstein & Howard, 2021, UNESCO, 2024). Natijahnya, situasi ini membentuk satu paradoks pendidikan: AI mampu meningkatkan kecekapan pelajar melalui penghasilan tugasan, tetapi kecekapan menghasilkan produk akademik tidak semestinya membuktikan berlakunya pembelajaran, pemikiran kritis atau penguasaan ilmu yang lebih baik.

Malah, isu menjadi semakin kompleks apabila aspek pentaksiran diambil kira dalam menilai kualiti tugasan pelajar. Situasi tersebut digambarkan oleh Swiecki et al. (2022) bahawa pentaksiran dalam era AI telah memberikan penekanan kepada kompetensi pelajar dan bukannya tugasan yang mudah diselesaikan melalui penggunaan teknologi. Pandangan Chan (2023) selari dengan kenyataan di atas bahawa keperluan pentaksiran berupaya melahirkan pemahaman dan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar berbanding sekadar pengumpulan data dan maklumat. Dengan kata lain, dasar integriti sahaja tidak mencukupi tanpa transformasi pentaksiran bagi meningkatkan kompetensi AI pendidik dan pelajar.

Selanjutnya, kajian Chan (2023) telah menghasilkan sebuah kerangka konseptual AI untuk pengajaran dan pembelajaran universiti. Sementara itu, kajian Wang et al. (2023) telah menghasilkan sebuah garis panduan berkaitan penekanan terhadap kesiapsiagaan pendidik dalam melaksanakan AI dalam pengajaran. Dengan kata lain, masih kurang terdapat sebuah kerangka konseptual yang memberikan panduan mengenai perkaitan antara penggunaan AI dengan etika, pedagogi, tadbir urus, pentaksiran dan kompetensi.

Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk membangunkan sebuah kerangka konseptual berkaitan etika penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pandangan pakar tempatan bagi mengimbangi inovasi teknologi dengan integriti, akauntabiliti dan keberkesanan pedagogi.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk membangunkan sebuah kerangka konseptual etika penggunaan kecerdasan buatan dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pandangan pakar bidang tempatan.

## SOROTAN KAJIAN LAMPAU

Bahagian ini membincangkan aspek berikut.

### *Teknologi Kecerdasan Buatan dalam Pendidikan*

Perkembangan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam pendidikan perlu dilihat sebagai perubahan dalam ekologi pengajaran dan pembelajaran, bukannya sekadar penambahan satu alat digital untuk digunakan sebagai Bahan Bantu Mengajar. Penggunaan AI dalam pendidikan berkembang merentas pelbagai fungsi dan berpotensi mengalihkan peranan AI daripada medium penyampaian maklumat kepada rakan kolaborasi kognitif (Crompton & Burke, 2023). Walau bagaimanapun, nilai pedagogi yang menggunakan AI bukan diukur dengan kehadiran teknologi itu sendiri tetapi diukur bagaimana teknologi tersebut diintegrasikan dengan objektif pembelajaran, reka bentuk pedagogi, kompetensi pendidik dan keperluan pelajar serta perlu digunakan dengan beretika.

AI berpotensi untuk menyokong prinsip perbezaan individu terhadap pembelajaran serta dapat mengurangkan bebanan guru kerana pelajar mampu melaksanakan pembelajaran kendiri (Abulaiti, 2024). Walau bagaimanapun, pembelajaran kendiri tidak semestinya lebih baik kerana pembelajaran pelajar akan bergantung kepada AI untuk mendapatkan maklumat tanpa menyemak kesahihan maklumat yang diterima. Dalam konteks ini, guru masih perlu berfungsi sebagai penilai kesesuaian kandungan dan bertanggungjawab terhadap pengajaran.

### *Etika Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan*

Walaupun penggunaan AI dalam pendidikan menawarkan pelbagai manfaat, namun pelbagai perdebatan tetap berlaku apabila penggunaannya dibincangkan dari konteks beretika. Beberapa prinsip utama dalam etika penggunaan AI adalah ketelusan, keadilan, privasi dan akauntabiliti (Jobin et al., 2019). Cabaran utama membincangkan tentang penggunaan AI secara beretika adalah bagaimana menterjemahkan amalan dan prosedur yang jelas dalam konteks penggunaan AI sebenar, khususnya dalam pendidikan.

Salah satu isu utama ialah bias algoritma, yang memperlihatkan bahawa keupayaan teknikal AI tidak semestinya menjamin keadilan dalam penggunaannya. Mehrabi et al. (2021) menjelaskan bahawa bias dalam data boleh menyebabkan sistem AI menghasilkan atau mengukuhkan ketidakadilan terhadap kumpulan tertentu. Tsamados et al. (2021) pula menegaskan bahawa isu bias algoritma perlu dilihat bukan hanya dari sudut teknikal, tetapi juga dalam konteks sosial dan institusi yang lebih luas. Dalam pendidikan, isu ini menjadi lebih penting kerana keputusan yang dipengaruhi AI boleh memberi kesan terhadap pentaksiran, pengelasan pelajar, cadangan pembelajaran dan peluang pendidikan.

Selain bias, privasi data dan hak milik intelek turut menjadi persoalan penting dalam penggunaan AI. Stahl et al. (2023) dan Mittelstadt (2023) menekankan bahawa penggunaan AI perlu disokong oleh tadbir urus yang jelas, termasuk aspek akauntabiliti dan kesan sosialnya. Dalam konteks pendidikan, data yang diproses oleh sistem AI mungkin melibatkan maklumat peribadi pelajar, hasil kerja akademik, rekod pembelajaran dan komunikasi antara guru dengan pelajar. Pada masa yang sama, penggunaan bahan yang dilindungi hak cipta dalam pembangunan dan penggunaan sistem AI turut menimbulkan persoalan tentang hak pemilik asal serta status kandungan yang dihasilkan oleh AI. Justeru, literasi AI tidak seharusnya terbatas kepada kebolehan menggunakan *prompt* atau mendapatkan hasil daripada sistem AI. Pengguna juga perlu memahami bagaimana data digunakan serta implikasi etika dan perundangan yang mungkin timbul daripada penggunaannya.

Perkembangan tadbir urus AI yang bertanggungjawab menunjukkan usaha untuk menangani cabaran tersebut secara lebih sistematik. UNESCO (2021), misalnya, menekankan penggunaan AI yang berasaskan prinsip kemanusiaan, manakala EU AI Act (European Parliament, 2024) memperkenalkan

pendekatan kawal selia berdasarkan tahap risiko. Perkembangan ini menunjukkan bahawa perbincangan tentang etika AI telah bergerak daripada sekadar mengenal pasti prinsip kepada usaha membangunkan mekanisme untuk mengawal penggunaannya. Walau bagaimanapun, kewujudan kerangka etika dan peraturan di peringkat antarabangsa belum semestinya menjamin pelaksanaannya dalam institusi pendidikan. Jurang yang masih perlu diberi perhatian ialah bagaimana prinsip seperti keadilan, privasi, ketelusan dan akauntabiliti dapat diterjemahkan kepada amalan di peringkat institusi dan bilik darjah. Hal ini termasuk pembangunan garis panduan penggunaan AI, peningkatan kompetensi pengguna, reka bentuk pentaksiran yang sesuai serta mekanisme semakan terhadap keputusan yang dihasilkan oleh AI. Dengan kata lain, cabaran utama bukan lagi sekadar menentukan sama ada AI boleh digunakan dalam pendidikan, tetapi bagaimana AI boleh digunakan secara bertanggungjawab tanpa mengurangkan peranan, pertimbangan dan akauntabiliti manusia.

## KAEDAH KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hal berikut.

### *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini berlandaskan falsafah interpretivisme yang berorientasikan konstruktivisme. Interpretivisme berpandangan bahawa realiti sosial tidak semestinya bersifat tunggal dan objektif, sebaliknya difahami melalui makna dan interpretasi yang dibentuk oleh individu berdasarkan pengalaman serta konteks mereka. Creswell dan Poth (2018) menjelaskan bahawa paradigma konstruktivis menekankan kewujudan pelbagai realiti yang dibentuk melalui pengalaman dan interaksi sosial individu. Pandangan ini selari dengan Denzin dan Lincoln (2018), yang menegaskan bahawa penyelidikan interpretif berusaha memahami fenomena berdasarkan makna yang diberikan oleh individu terhadap pengalaman dan persekitaran sosial mereka. Merriam dan Tisdell (2016) turut menjelaskan bahawa penyelidikan yang berorientasikan konstruktivisme memberikan perhatian kepada bagaimana individu membina dan menginterpretasikan makna terhadap sesuatu fenomena. Oleh itu, realiti dalam kajian ini tidak dianggap sebagai sesuatu yang tetap, tetapi dibentuk melalui interpretasi pakar terhadap isu penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan.

Pemilihan falsafah tersebut adalah selaras dengan tujuan kajian untuk memahami pandangan pakar tentang etika penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran. Fenomena ini melibatkan pertimbangan yang kompleks seperti etika, pedagogi, integriti, akauntabiliti, tadbir urus, pentaksiran dan kompetensi profesional. Aspek tersebut tidak memadai untuk difahami sebagai realiti yang boleh diukur secara objektif semata-mata kerana maknanya turut dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan dan konteks profesional individu. Crotty (1998) menjelaskan bahawa dalam perspektif konstruktivis, makna tidak sekadar ditemui tetapi dibina melalui interaksi manusia dengan dunia yang ditafsirkan. Schwandt (2015) juga menegaskan bahawa pendekatan interpretif memberikan penekanan kepada pemahaman terhadap makna tindakan dan pengalaman manusia dalam konteks tertentu. Justeru, falsafah interpretivisme-konstruktivisme menyediakan asas yang sesuai untuk kajian ini kerana pembentukan kerangka konseptual bergantung pada pemahaman dan interpretasi terhadap perspektif pakar.

Selaras dengan falsafah tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kualitatif asas interpretif (*basic interpretive qualitative design*). Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian berusaha memperoleh pemahaman yang mendalam tentang sesuatu fenomena berdasarkan makna dan perspektif individu, bukannya mengukur pemboleh ubah atau menguji hubungan sebab-akibat. Creswell dan Poth (2018) menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif sesuai apabila penyelidik perlu meneroka dan memahami makna yang diberikan oleh individu atau kumpulan terhadap sesuatu fenomena. Denzin dan Lincoln (2018) pula melihat penyelidikan kualitatif sebagai pendekatan interpretif yang membolehkan fenomena dikaji berdasarkan makna yang diberikan oleh individu dalam konteks sebenar. Maxwell (2013) turut menegaskan bahawa reka bentuk kualitatif amat berguna untuk memahami makna, konteks dan proses yang mendasari sesuatu fenomena.

Secara lebih khusus, *basic interpretive qualitative design* dipilih kerana kajian ini bertujuan memahami dan menginterpretasikan bagaimana pakar memberikan makna terhadap penggunaan AI secara beretika dalam pengajaran dan pembelajaran. Merriam dan Tisdell (2016) menjelaskan bahawa kajian kualitatif asas memberi tumpuan kepada bagaimana individu mentafsir pengalaman mereka, membina realiti dan memberikan makna kepada pengalaman tersebut. Sandelowski (2000) turut menjelaskan bahawa reka bentuk kualitatif yang tidak terikat kepada metodologi khusus boleh digunakan apabila penyelidik memerlukan penerokaan dan penghuraian fenomena secara langsung berdasarkan perspektif peserta. Oleh itu, reka bentuk ini sesuai kerana kajian semasa tidak bertujuan menghasilkan teori substantif seperti *grounded theory*, mencari inti pati pengalaman hidup seperti fenomenologi atau meneroka satu sistem yang dibatasi seperti kajian kes. Sebaliknya, kajian ini berusaha memahami, menginterpretasikan dan mensintesiskan perspektif pakar sebagai asas kepada pembentukan kerangka konseptual etika penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran.

Keseluruhannya, terdapat kesepadanan antara falsafah interpretivisme-konstruktivisme dengan reka bentuk kualitatif asas interpretif. Falsafah tersebut membolehkan realiti penggunaan AI secara beretika difahami melalui pelbagai perspektif dan pembinaan makna, manakala reka bentuk kualitatif menyediakan pendekatan untuk meneroka dan menginterpretasikan makna tersebut secara mendalam. Kesepadanan ini penting kerana tujuan kajian bukan untuk menghasilkan generalisasi statistik, tetapi membina pemahaman konseptual yang berpaksikan perspektif pakar mengenai penggunaan AI secara beretika dalam konteks pengajaran dan pembelajaran.

***Persampelan***

Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu peserta dipilih berdasarkan kepakaran dan keupayaan mereka memberikan maklumat yang kaya serta relevan dengan tujuan kajian. Patton (2015) menjelaskan bahawa pensampelan bertujuan sesuai dalam penyelidikan kualitatif kerana pemilihan peserta menekankan *information-rich cases*, manakala Creswell dan Poth (2018) menegaskan bahawa peserta dipilih berdasarkan pengetahuan dan pengalaman khusus terhadap fenomena yang dikaji. Palinkas et al. (2015) turut menyatakan bahawa pensampelan bertujuan amat sesuai apabila penyelidik memerlukan peserta yang mempunyai pengalaman serta pengetahuan mendalam tentang isu kajian.

Berdasarkan prinsip tersebut, tiga orang pakar dipilih kerana mempunyai kepakaran yang saling melengkapi dalam bidang AI dalam pendidikan, AI/teknologi pendidikan dan penilaian pendidikan, dengan pengalaman profesional antara 8 hingga 26 tahun. Bilangan peserta dalam kajian kualitatif tidak berasaskan representasi statistik, tetapi kepada kerelevanan kepakaran, kedalaman pengalaman dan kekayaan maklumat yang dapat diberikan oleh peserta (Patton, 2015; Creswell & Poth, 2018). Oleh itu, pemilihan ketiga-tiga pakar adalah selaras dengan tujuan kajian untuk memperoleh perspektif khusus bagi membangunkan kerangka konseptual etika penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran. Maklumat mengenai para pakar yang terlibat dalam kajian ini disenaraikan dalam Jadual 1.

**Jadual 1**

*Profil Peserta Kajian*

| Pakar/Profesional | Bidang Kepakaran | Posisi Semasa | Kelayakan tertinggi | Pengalaman (Tahun) |
|---|---|---|---|---|
| E1 | Kecerdasan Buatan dalam Pendidikan | Penyelidik Kanan | PhD | 08 |
| E2 | AI/Teknologi Pendidikan | Pensyarah Kanan | M.Edu | 26 |
| E3 | Penilaian Pendidikan | Ketua Unit Inovasi Penilaian | PhD | 23 |

***Instrumen Kajian***

Kajian ini menggunakan protokol temu bual separa berstruktur sebagai instrumen utama untuk memperoleh data daripada tiga orang pakar berkaitan etika penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan temu bual separa berstruktur membolehkan penyelidik menggunakan soalan teras yang sama kepada setiap peserta, di samping memberikan fleksibiliti untuk mengemukakan soalan susulan (*probing*) bagi mendapatkan penerangan yang lebih mendalam. Pendekatan ini selaras dengan DeJonckheere dan Vaughn (2019), yang menjelaskan bahawa temu bual separa berstruktur sesuai untuk meneroka pengalaman, pandangan dan persepsi peserta secara mendalam. Kallio et al. (2016) pula menegaskan bahawa pembangunan protokol temu bual secara sistematik dapat memastikan soalan yang dikemukakan mempunyai hubungan yang jelas dengan tujuan kajian. Struktur ini juga selari dengan contoh protokol dalam artikel rujukan yang menyusun temu bual daripada pengenalan, penjelasan etika, soalan pembukaan, soalan utama hingga penutup.

Berpandukan struktur protokol dalam artikel tersebut, protokol temu bual bagi kajian Kerangka Konseptual Etika Penggunaan Kecerdasan Buatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran seperti dalam Rajah 1.

**Rajah 1**

*Protokol Temubual Kajian*

| **Bahagian Protokol** | **Tujuan** | **Contoh Aplikasi dalam Kajian** |
|---|---|---|
| **Pengenalan (*Introduction*)** | Memperkenalkan penyelidik, menerangkan tujuan kajian dan membina hubungan awal dengan peserta. | "Terima kasih kerana bersetuju menyertai temu bual ini. Kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan pakar berkaitan penggunaan AI secara beretika dalam pengajaran dan pembelajaran." |
| **Persetujuan dan Penjelasan Etika (*Consent and Ethical Clarification*)** | Menjelaskan penyertaan secara sukarela, kerahsiaan maklumat dan mendapatkan kebenaran rakaman. | "Segala maklumat adalah sulit dan digunakan untuk tujuan penyelidikan. Dengan kebenaran tuan/puan, temu bual ini akan dirakam bagi tujuan analisis." |
| **Soalan Pembukaan/Pemanasan (*Opening/Warm-up Questions*)** | Mendapatkan latar belakang kepakaran dan pengalaman peserta berkaitan AI dan pendidikan. | "Boleh tuan/puan ceritakan pengalaman dan kepakaran tuan/puan berkaitan penggunaan AI dalam pendidikan?" |
| **Soalan Utama (*Main Interview Questions*)** | Mendapatkan pandangan mendalam yang secara langsung menjawab tujuan kajian. | "Berdasarkan kepakaran tuan/puan, bagaimanakah AI seharusnya digunakan secara beretika dalam pengajaran dan pembelajaran?" Probing: "Mengapa aspek tersebut penting?"; "Boleh berikan contoh?"; "Apakah prinsip yang perlu diberikan perhatian?"; "Bagaimanakah aspek tersebut boleh dilaksanakan dalam amalan?" |
| **Penutup (*Closing*)** | Memberikan peluang kepada peserta menambah pandangan yang belum dibincangkan. | "Adakah terdapat aspek lain berkaitan etika penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran yang belum dibincangkan tetapi tuan/puan anggap penting?" |


E-ISSN: 2289-9669

***Analisis Data***

Data temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik berdasarkan enam fasa yang dikemukakan oleh Braun dan Clarke (2006). Analisis tematik dipilih kerana kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti, menganalisis dan menginterpretasikan pola makna dalam data kualitatif secara sistematik. Braun dan Clarke (2006) menegaskan bahawa analisis tematik bukan sekadar mengelompokkan petikan peserta, tetapi melibatkan proses interpretasi bagi membentuk tema yang mempunyai hubungan dengan persoalan kajian. Selaras dengan artikel rujukan, proses analisis dilaksanakan secara bertahap daripada pembiasaan dengan data, penjanaan kod awal, pembentukan tema, semakan tema, pendefinisian dan penamaan tema sehingga penghasilan laporan.

Dalam kajian ini, analisis dilakukan secara induktif, iaitu kod dan tema dibangunkan berdasarkan makna yang terkandung dalam data temu bual pakar dan tidak ditentukan sepenuhnya terlebih dahulu. Proses tersebut membolehkan perspektif pakar disintesiskan secara sistematik sehingga menghasilkan dimensi yang menjadi asas pembentukan Kerangka Konseptual Etika Penggunaan Kecerdasan Buatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Prosedur analisis adalah seperti dalam Rajah 2.

**Rajah 2**

*Analisis Data Kajian*

| Fasa Braun & Clarke (2006) | Proses Analisis | Contoh Aplikasi dalam Kajian |
|---|---|---|
| **1. Familiarising yourself with the data** | Transkrip temu bual dibaca berulang kali untuk memahami keseluruhan pandangan pakar serta mengenal pasti idea awal. | Pernyataan pakar tentang keperluan manusia membuat keputusan akhir apabila menggunakan AI dikenal pasti sebagai pandangan penting berkaitan kawalan manusia. |
| **2. Generating initial codes** | Bahagian data yang mempunyai makna berkaitan tujuan kajian diberikan kod awal. | Pernyataan seperti "AI membantu, tetapi manusia perlu membuat keputusan akhir" diberikan kod seperti kawalan manusia, pertimbangan profesional dan akauntabiliti pengguna. |
| **3. Searching for themes** | Kod yang mempunyai persamaan makna dikumpulkan untuk membentuk calon tema. | Kod *kawalan manusia*, *pertimbangan profesional* dan *tanggungjawab keputusan* dikelompokkan kepada calon tema Prinsip Teras Etika AI. |
| **4. Reviewing themes** | Calon tema dibandingkan semula dengan petikan asal dan keseluruhan data untuk memastikan tema mempunyai kesatuan dalaman dan perbezaan yang jelas. | Data berkaitan prinsip etika dibezakan daripada data berkaitan kompetensi pengguna, pentaksiran dan tadbir urus supaya setiap tema mempunyai skop yang jelas. |
| **5. Defining and naming themes** | Makna, sempadan dan fokus setiap tema diperincikan sebelum nama tema akhir ditentukan. | Tema akhir ditetapkan seperti Prinsip Teras Etika AI, Kompetensi Pengguna, Pedagogi, Pentaksiran dan Integriti Akademik, serta Tadbir Urus. |
| **6. Producing the report** | Tema dihuraikan secara analitik dengan menggunakan petikan peserta sebagai bukti dan diinterpretasikan berdasarkan tujuan kajian serta literatur berkaitan. | Hubungan antara tema disintesiskan untuk membentuk kerangka konseptual etika penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran. |

Enam fasa tersebut tidak dilaksanakan secara mekanikal atau linear. Sebaliknya, penyelidik boleh bergerak semula antara kod, petikan data dan tema apabila interpretasi terhadap data berkembang. Hal ini selaras dengan Braun dan Clarke (2021) yang menegaskan bahawa analisis tematik bersifat rekursif dan refleksif.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini mempersembahkan dapatan kajian sepertimana berikut.

### *Tema 1: Kebolehaplikasian Pedagogi AI Beretika*

Tema pertama yang dikenal pasti ialah Kebolehaplikasian Pedagogi AI Beretika. Tema ini menggambarkan pandangan pakar bahawa penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran tidak seharusnya dinilai berdasarkan keupayaan teknologi semata-mata, tetapi perlu diseimbangkan dengan prinsip etika dan matlamat pendidikan. Analisis temu bual menunjukkan bahawa penggunaan AI yang beretika merangkumi tiga aspek utama, iaitu integriti akademik, ketelusan dan akauntabiliti serta penilaian kritis terhadap output AI. Ketiga-tiga aspek ini memperlihatkan bahawa AI seharusnya berfungsi sebagai alat sokongan pedagogi tanpa menggantikan pertimbangan profesional pendidik dan tanggungjawab intelektual pelajar.

Analisis data menunjukkan bahawa integriti akademik merupakan antara isu utama yang dibangkitkan oleh pakar. Walaupun AI dapat membantu pelajar mendapatkan maklumat, menjana idea dan menyokong penyediaan tugasan, penggunaan AI tanpa kawalan boleh menyebabkan pelajar menerima hasil yang dijana oleh AI sebagai hasil kerja sendiri. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan isu plagiarisme, malah berpotensi mengurangkan kreativiti, pemikiran kritis dan keupayaan pelajar menghasilkan idea secara kendiri.

Selain itu, analisis memperlihatkan bahawa ketelusan dan akauntabiliti merupakan prasyarat kepada penggunaan AI secara beretika. Pelajar bukan sahaja perlu mengetahui cara menggunakan AI, tetapi juga perlu menjelaskan atau mengisytiharkan bagaimana AI digunakan dalam menghasilkan tugasan akademik. Prinsip yang sama perlu diamalkan oleh pendidik agar penggunaan AI dapat dilaksanakan secara telus dan bertanggungjawab.

Aspek ketiga ialah keupayaan menilai secara kritis output AI. Pakar berpandangan bahawa output AI tidak boleh diterima secara automatik sebagai tepat kerana terdapat risiko bias, halusinasi dan maklumat yang tidak tepat. Oleh itu, penggunaan AI secara pedagogi memerlukan pertimbangan manusia untuk menilai kesahihan dan kesesuaian maklumat sebelum digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga pola tersebut memang dapat dikenal pasti dalam dapatan asal manuskrip.

Pandangan berkaitan integriti akademik dijelaskan oleh E2:

> Semakin ramai pelajar menganggap jawapan yang dihasilkan oleh AI sebagai hasil kerja mereka sendiri... Kita tidak boleh menerima perkara ini, kerana pada akhirnya, pelajar-pelajar tersebut akan menganggap jawapan yang diberikan oleh AI sebagai hasil kerja mereka sendiri... (E2)

E2 turut menekankan keperluan kepada ketelusan penggunaan AI dalam tugasan:

> Apabila pelajar menggunakan kecerdasan buatan, mereka perlu menyatakan bagaimana kecerdasan buatan tersebut digunakan dalam menyelesaikan tugasan tersebut... Para pengajar juga perlu menyediakan borang pengisytiharan yang berkaitan... (E2)

Risiko menerima output AI tanpa penilaian kritis turut dinyatakan oleh E2:

> AI tidak semestinya memberikan jawapan yang betul... Terdapat masalah berkaitan berat sebelah dan ilusi yang perlu kita sedari... (E2)

Berdasarkan keseluruhan dapatan, penyelidik menginterpretasikan bahawa pedagogi AI beretika bukan sekadar kebolehan menggunakan teknologi AI, tetapi keupayaan mengintegrasikan AI tanpa mengorbankan proses pembelajaran, integriti akademik dan pertimbangan manusia. Integriti memastikan AI tidak menggantikan usaha intelektual pelajar; ketelusan dan akauntabiliti memastikan pengguna bertanggungjawab terhadap cara AI digunakan; manakala penilaian kritis memastikan output AI tidak diterima tanpa pengesahan.

Dengan demikian, tema ini menunjukkan bahawa manusia perlu kekal sebagai pemegang autoriti terhadap keputusan pedagogi, sementara AI berfungsi sebagai alat sokongan. Semakin luas AI digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran, semakin penting keupayaan pendidik dan pelajar untuk membuat pertimbangan tentang bila, bagaimana dan sejauh mana AI wajar digunakan. Interpretasi ini meletakkan Pedagogi AI Beretika sebagai salah satu asas penting dalam pembentukan kerangka konseptual kajian.

***Tema 2: Kebolehaplikasian Integriti dan Akauntabiliti***

Tema kedua ialah Kebolehaplikasian Integriti dan Akauntabiliti, yang menggambarkan keperluan terhadap tadbir urus AI yang berpusatkan manusia serta kesiapsiagaan institusi dalam memastikan penggunaan AI secara bertanggungjawab. Analisis menunjukkan bahawa penggunaan AI secara beretika tidak memadai dengan kesedaran individu semata-mata, tetapi memerlukan dasar institusi yang adaptif, pengawasan manusia dan akauntabiliti dalam membuat keputusan. Dapatan asal manuskrip menunjukkan pakar memberikan penekanan khusus kepada dasar yang fleksibel serta tanggungjawab manusia terhadap keputusan akhir.

Analisis data menunjukkan bahawa dasar institusi yang jelas tetapi fleksibel merupakan elemen penting dalam penggunaan AI secara bertanggungjawab. Perkembangan AI yang pantas menyebabkan garis panduan yang terlalu rigid berisiko menjadi tidak relevan. Oleh itu, institusi perlu mempunyai mekanisme yang membolehkan dasar AI disemak dan disesuaikan dengan perubahan teknologi.

Analisis turut menunjukkan kepentingan pengawasan manusia (*human oversight*). Walaupun AI boleh membantu proses akademik dan membuat keputusan, autoriti akhir perlu kekal pada manusia. Hal ini bermakna pendidik dan institusi tidak boleh menyerahkan sepenuhnya keputusan akademik kepada sistem AI. Dalam masa yang sama, penggunaan AI perlu disepadukan dengan sistem, dasar dan amalan institusi sedia ada supaya akauntabiliti dapat ditentukan dengan jelas.

E3 menekankan kepentingan dasar institusi yang bersifat fleksibel:

> Garis panduan tersebut tidak boleh terlalu kaku, kerana kecerdasan buatan berkembang dengan sangat cepat. Institusi perlu mempunyai dasar-dasar yang dapat disesuaikan mengikut perkembangan teknologi... (E3)

E2 pula menekankan penggunaan prinsip etika dan keperluan mengekalkan tanggungjawab manusia:

> Prinsip-prinsip etika kecerdasan buatan yang ditetapkan oleh MOSTI boleh dijadikan rujukan yang praktikal oleh pelbagai institusi. Namun, para pendidik tetap perlu bertanggungjawab dalam membuat keputusan akademik yang muktamad... (E2)

Berdasarkan dapatan tersebut, penyelidik menginterpretasikan bahawa integriti dan akauntabiliti dalam penggunaan AI perlu dibina sebagai tanggungjawab bersama antara individu dengan institusi. Integriti

bukan sekadar memerlukan pengguna mematuhi prinsip etika, tetapi institusi juga perlu menyediakan struktur tadbir urus yang menentukan batas penggunaan, tanggungjawab pengguna dan mekanisme pengawasan.

Dengan demikian, AI berfungsi sebagai alat sokongan kepada keputusan manusia dan bukannya menggantikan autoriti profesional manusia. Dasar yang adaptif, pengawasan manusia dan akauntabiliti institusi membentuk mekanisme yang memastikan inovasi AI berkembang tanpa menghakis nilai dan tanggungjawab pendidikan.

***Tema 3: Transformasi Pentaksiran***

Tema ketiga ialah Transformasi Pentaksiran. Tema ini menggambarkan keperluan untuk menilai semula pendekatan pentaksiran apabila AI semakin berupaya menghasilkan teks, menyelesaikan tugasan dan menyediakan jawapan kepada pelajar. Pakar berpandangan bahawa pentaksiran konvensional yang mudah diselesaikan menggunakan AI semakin kurang berupaya menggambarkan kompetensi sebenar pelajar. Oleh itu, pentaksiran perlu beralih kepada pendekatan yang dapat memperlihatkan pemikiran, penaakulan, kreativiti dan penguasaan sebenar pelajar.

Analisis menunjukkan bahawa kemunculan AI menuntut perubahan daripada pentaksiran yang terlalu berorientasikan produk akhir kepada pentaksiran yang turut memberikan perhatian kepada proses pembelajaran dan keupayaan sebenar pelajar. Tugasan yang boleh diselesaikan sepenuhnya oleh AI mungkin tidak lagi memberikan bukti yang mencukupi bahawa pembelajaran sebenar telah berlaku.

Justeru, pakar menekankan keperluan kepada bentuk pentaksiran yang lebih autentik dan berasaskan kompetensi. Pelajar perlu diberikan peluang untuk menunjukkan cara mereka berfikir, memberikan justifikasi, menyelesaikan masalah dan mengaplikasikan pengetahuan dalam konteks yang bermakna. AI pula tidak semestinya dilarang, tetapi penggunaannya perlu direka bentuk sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran tanpa menggantikan sumbangan intelektual pelajar.

E2 menjelaskan keperluan mengubah bentuk pentaksiran:

> Penilaian tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya pada tugasan yang mudah diselesaikan oleh AI. Kita memerlukan kaedah penilaian yang membolehkan pelajar menunjukkan cara berfikir, penaakulan, dan pemahaman mereka sendiri... (E2)

Dapatan turut menunjukkan bahawa E3 menyokong perubahan pentaksiran bagi mengurangkan risiko penyalahgunaan AI dan pada masa yang sama menggalakkan pelajar menggunakan pengetahuan dalam situasi yang bermakna.

Penyelidik menginterpretasikan bahawa AI bukan sekadar menimbulkan cabaran kepada integriti pentaksiran, tetapi menjadi pemangkin kepada transformasi pentaksiran itu sendiri. Sekiranya sesuatu tugasan boleh diselesaikan sepenuhnya oleh AI tanpa memerlukan pemikiran mendalam daripada pelajar, tugasan tersebut mungkin tidak lagi mencukupi untuk menunjukkan pencapaian pembelajaran sebenar.

Oleh itu, transformasi pentaksiran perlu bergerak ke arah pentaksiran autentik dan berasaskan kompetensi yang memberikan perhatian kepada proses penaakulan, aplikasi pengetahuan, penyelesaian masalah dan refleksi pelajar. Dalam konteks ini, AI boleh digunakan sebagai alat sokongan, tetapi bukti pencapaian pembelajaran mesti tetap mencerminkan kompetensi sebenar pelajar.

***Tema 4: Inovasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran***

Tema keempat ialah Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Tema ini menggambarkan potensi AI untuk menyokong pengalaman pembelajaran yang lebih diperibadikan, interaktif dan responsif terhadap keperluan pelajar. Walau bagaimanapun, pakar menegaskan bahawa nilai AI dalam pendidikan bukan terletak pada teknologi semata-mata, tetapi pada bagaimana pendidik mengintegrasikannya secara strategik dalam reka bentuk pengajaran.

Analisis menunjukkan bahawa AI berpotensi menyokong pembelajaran yang diperibadikan (*personalised learning*) dengan memberikan bantuan dan maklum balas berdasarkan keperluan individu pelajar. Keupayaan ini membolehkan proses pembelajaran menjadi lebih responsif terhadap perbezaan tahap penguasaan dan keperluan pembelajaran.

Namun demikian, pakar tidak melihat AI sebagai pengganti pendidik. Keberkesanan AI bergantung kepada kemampuan pendidik mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang bermakna. Ini termasuk penggunaan AI untuk merangsang pemikiran kritis, kolaborasi, penyelesaian masalah dan penglibatan aktif pelajar. Dengan demikian, inovasi pedagogi bukan berlaku hanya kerana AI digunakan, tetapi apabila AI diintegrasikan dengan tujuan pembelajaran yang jelas.

E1 menjelaskan potensi AI dalam menyokong pembelajaran yang diperibadikan:

> Kecerdasan buatan membolehkan proses pembelajaran menjadi lebih diperibadikan, kerana pelajar dapat menerima maklum balas serta bantuan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan individu mereka... (E1)

E3 pula menegaskan bahawa teknologi sahaja tidak menjamin keberkesanan pembelajaran:

> AI hanyalah sebuah alat semata-mata. Keberkesanan proses pembelajaran masih bergantung pada cara para pendidik merancang pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi para pelajar... (E3)

Berdasarkan dapatan tersebut, penyelidik menginterpretasikan bahawa inovasi pedagogi bukan ditentukan oleh kecanggihan AI, tetapi oleh kualiti reka bentuk pengajaran yang mengintegrasikan AI. Penggunaan teknologi tanpa matlamat pedagogi yang jelas berpotensi menghasilkan inovasi yang bersifat teknikal sahaja tanpa meningkatkan kualiti pembelajaran.

Oleh itu, hubungan manusia-AI dalam pengajaran perlu bersifat komplementari. AI boleh menyediakan maklum balas, personalisasi dan sokongan pembelajaran, manakala pendidik kekal bertanggungjawab terhadap reka bentuk pedagogi, pertimbangan profesional dan penciptaan pengalaman pembelajaran yang bermakna. Tema ini menunjukkan bahawa AI memperkukuh pedagogi; AI bukan menggantikan pedagogi.

***Tema 5: Kebolehaplikasian Pembangunan Kompetensi***

Tema kelima ialah Kebolehaplikasian Pembangunan Kompetensi. Tema ini menggambarkan keperluan pendidik membangunkan kompetensi AI secara berterusan bagi memastikan teknologi tersebut digunakan secara berkesan dan beretika. Pakar berpandangan bahawa perkembangan AI yang pantas menyebabkan latihan sekali sahaja tidak mencukupi. Sebaliknya, pembangunan kompetensi perlu berlaku melalui pembelajaran profesional berterusan, kolaborasi dan perkongsian pengetahuan.

Analisis menunjukkan dua pola utama. Pertama ialah keperluan kepada pembelajaran profesional berterusan. Perubahan teknologi AI yang pesat menyebabkan pengetahuan dan kemahiran pendidik perlu sentiasa dikemas kini. Kompetensi yang diperlukan juga tidak terbatas kepada kemahiran teknikal

menggunakan aplikasi AI, tetapi melibatkan kemampuan membuat pertimbangan terhadap kesesuaian, keberkesanan dan implikasi etika penggunaannya.

Kedua ialah kepentingan pembelajaran secara kolaboratif. Pakar berpandangan bahawa kompetensi AI tidak seharusnya dibangunkan secara individu sahaja. Perkongsian pengalaman melalui komuniti pembelajaran profesional membolehkan pendidik membincangkan cabaran, berkongsi amalan yang berjaya dan secara kolektif membangunkan penyelesaian terhadap isu penggunaan AI dalam pendidikan.

E1 menekankan kepentingan pembelajaran profesional secara berterusan:

> Kecerdasan buatan berkembang dengan sangat cepat. Oleh itu, para pendidik perlu terus belajar dan mengemas kini pengetahuan mereka. Pembelajaran secara profesional seharusnya menjadi proses yang berterusan, bukan sekadar program latihan yang dilakukan sekali sahaja... (E1)

E3 pula menekankan kepentingan komuniti pembelajaran profesional:

> Para pendidik tidak seharusnya mempelajari teknologi AI secara sendirian. Melalui komuniti pembelajaran profesional, mereka dapat berkongsi pengalaman, membincangkan cabaran yang dihadapi, dan bersama-sama mengembangkan amalan yang lebih baik... (E3)

Penyelidik menginterpretasikan bahawa kompetensi AI merupakan keupayaan profesional yang dinamik dan perlu dibangunkan secara berterusan, bukannya kemahiran teknikal yang diperoleh melalui satu program latihan. Apabila teknologi AI berubah, pendidik perlu terus mengemas kini pengetahuan, menilai semula amalan dan menyesuaikan strategi penggunaannya.

Lebih penting, dapatan menunjukkan bahawa pembangunan kompetensi mempunyai dimensi kolektif. Komuniti pembelajaran profesional menyediakan ruang untuk pendidik berkongsi pengalaman, melakukan refleksi dan membina amalan penggunaan AI yang lebih bertanggungjawab. Oleh itu, pembangunan kompetensi boleh dianggap sebagai mekanisme penggerak yang membolehkan empat tema sebelumnya, pedagogi beretika, integriti dan akauntabiliti, transformasi pentaksiran serta inovasi PdP dilaksanakan secara berkesan dan berterusan.

Secara keseluruhan, Jadual 3 merumuskan penemuan kajian kepada lima domain utama, iaitu Kebolehaplikasian Pedagogi AI Beretika, Kebolehaplikasian Integriti dan Akauntabiliti, Transformasi Pentaksiran, Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran serta Kebolehaplikasian Pembangunan Kompetensi. Setiap domain diperincikan melalui subdomain dan item yang menggambarkan keperluan penggunaan AI secara beretika, bertanggungjawab dan berorientasikan pembelajaran.

Penemuan ini menunjukkan bahawa penggunaan AI secara beretika tidak hanya bergantung pada keupayaan teknologi, tetapi memerlukan keselarasan antara integriti dan pertimbangan manusia, tadbir urus institusi, pentaksiran yang autentik, inovasi pedagogi serta kompetensi profesional yang berterusan. Justeru, kelima-lima domain tersebut saling melengkapi dan menjadi asas kepada pembentukan Kerangka Konseptual Etika Penggunaan Kecerdasan Buatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

**Jadual 3**
*Ringkasan Penemuan Kajian*

| Domain/Tema | Subdomain | Item |
|---|---|---|
